

30/05/2002

Pertemuan PM, Pope kikis salah faham terhadap Islam

KOTA BHARU, Rabu - Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata pertemuan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Pope John Paul II di Vatican City, bulan depan, boleh mengikis salah faham penganut Kristian terhadap Islam.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar Antarabangsa Palestin bertajuk `Palestin Dilanda Keganasan: Dibasahi Air Mata dan Darah' di Hotel Perdana di sini, hari ini.

Menyentuh isu Palestin, Fadzil berkata, Pas memahami penderitaan rakyat Palestin dan akan terus menyokong perjuangan mereka menentang keganasan tentera Israel.

Katanya, Pas turut menyifatkan usaha Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bersama Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) sebagai ikhlas dalam menyatukan pemimpin Pas dan Umno untuk menyokong perjuangan Palestin.

"Kita berjaya menampilkan kepada dunia rakyat dari semua aliran politik menyokong perjuangan Palestin dan kita menyambut baik program Syarahan Perdana baru-baru ini tanpa menaruh prasangka kepada penganjur.

"Kita tidak boleh menghalang pihak sama ada dari dalam atau luar Pas membuat kritikan (terhadap tindakan Pas bergandingan dengan Umno) kerana yang penting, kita menyatakan pendirian dan membuat deklarasi sebagai rakyat Malaysia.

"Kita harap mereka yang mengkritik memahami pentingnya pelbagai kaum menghadapi isu kemanusiaan," katanya sambil menegaskan Pas bersikap terbuka dan sedia mempertimbangkan untuk berganding dengan Umno jika ada keperluan menyatakan pandangan berhubung isu kemanusiaan.

Menyentuh isu pilihan raya umum, Fadzil berkata, Pas sentiasa bersedia walaupun yakin Perdana Menteri tidak mengumumkannya secara mengejut dalam tempoh terdekat.

"Kita nampak Suruhanjaya Pilihanraya bekerja keras menyiapkan penyusunan persempadanan baru, terutama pada peringkat Parlimen dan Pas yakin ia hanya disiapkan menjelang pertengahan tahun depan," katanya.

(END)